

MEMO

Tarikh : 3 November 2020, Selasa
Kepada : YBhg. Dato' Abdul Latif Haji Abu Seman
Ketua Pengarah MPC
Daripada : Puan Norliana Mahmud
Pengurus, Bahagian PAT
Disokong : Puan Saliza Saari,
Pengarah, Bahagian PAT

Tajuk : **MEMOHON KELULUSAN UNTUK MEMPROSES BORANG PERMOHONAN PEMBELIAN (RO) SELEPAS 15 OKTOBER 2020 BAGI PERKHIDMATAN BEKALAN MAKANAN BAGI BENGKEL PEMAHAMAN TADBIR URUS *READINESS ASSESSMENT* (RA) - 6 NOVEMBER 2020**

Assalamualaikum W.B.T.,

YBhg. Dato',

2. Untuk makluman YBhg. Dato', Sekretariat *Industry4WRD* MPC akan menganjurkan Bengkel Pemahaman Tadbir Urus *Readiness Assessment* (RA) pada 6 November 2020. Program tersebut bertujuan meningkatkan kesedaran dan pemahaman proses *Readiness Assessment* dikalangan pegawai MPC serta mengenal pasti tahap kesediaan pelaksanaan proses *Readiness Assessment* oleh MPC pada tahun 2021.

3. Memandangkan bengkel ini yang sepatutnya dijalankan pada 16-18 Oktober 2020 yang lalu di Dorsett Hotel Putrajaya, terpaksa dibatalkan kerana arahan perintah kawalan pergerakan bersyarat (PKPB) yang dilaksanakan oleh kerajaan. Namun yang demikian atas keperluan untuk menjalankan bengkel tersebut, pihak sekretariat memohon pelaksanaan bengkel ini diteruskan di MPC dengan mengambil kira penjarakan sosial. Program ini juga akan dilaksanakan secara *hybrid* bagi peserta yang tidak dapat hadir secara fizikal. Untuk makluman lagi, tempoh pengisian RO telah tamat pada 15 Oktober 2020 untuk sebarang tempahan makan/minum sepanjang program.


4. Pihak sekretariat ingin memohon kelulusan dari YBhg. Dato' untuk kelulusan bagi perkara tersebut di atas untuk membolehkan kami mengemukakan Borang RO ke Unit PCT bagi tujuan pembayaran kepada pembekal.

5. Segala perhatian dan pertimbangan YBhg. Dato' dalam perkara ini amatlah kami hargai dan diucapkan ribuan terima kasih.

Sekian,


*Disetujui arahan dan
senipandan terkini yg
dibekalkan oleh JPA
WJ 5/11/20*

Disediakan oleh:




(Norliana Mahmud)
Pengurus
Bahagian PAT
CRO

Disokong oleh:



(Saliza Saari)
Pengarah
Bahagian PAT
OED

Diluluskan oleh:



(DATO' ABDUL LATIF HAJI ABU SEMAN)

Ketua Pengarah
Perbadanan Produktiviti Malaysia (MPC)